

TARIKH	9 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	n2	RUANGAN	NEWS

## Pelajar MARSAH sertai khidmat masyarakat



Pengarah Lembaga Tabung Haji Negeri Johor, Ahmad Sohaimi Datuk Abdul Wahid memberi **taklimat** kepada bakal haji pada Program Khidmat Masyarakat TAHA@U dan BH di Masjid Jamek Taman Perling, Johor Bahru.

[ FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI / BH ]

**Pulai:** Seramai 44 pelajar Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) menyertai Program Khidmat Masyarakat Taha@U 2012 anjuran Tabung Haji (TH) Johor dengan kerjasama Unit Pendidikan BH di Masjid Jamek Taman Perling, di sini.

Sepanjang program tiga hari itu, pelajar MARSAH turut dijadikan anak angkat kepada masjid berkenaan sambil menyertai pelbagai program berbentuk kemasyarakatan.

Pengerusi Jawatankuasa masjid, Mohd Yusuf Hassan, berkata program itu dapat membantu pihak pengurusan masjid mengimarahkan rumah

ibadat berkenaan.

"Menerusi program khidmat masyarakat ini, kita berharap tugas mengimarahkan masjid ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya pada masa depan selain ia menjadi pemangkin terhadap usaha mendekatkan golongan muda dengan masjid.

"Pengurusan masjid juga berusaha mentransformasikan jemaah masjid ini. Perkara ini perlu dilakukan kerana mereka adalah anggota kariah masjid ini dan berkemampuan untuk menyebarkan maklumat dengan lebih luas serta cepat kepada ahli komuniti yang lain," katanya kepada BH, semalam.